

**Soalan Lazim (FAQ)
Pelaksanaan Moratorium Bagi Pelanggan CBP
(Moratorium B40, M40 & T20)
(Dikemaskini pada 15 Julai 2021)**

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah objektif Permohonan Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan B40, M40 & T20 CBP ini?	<p>Susulan ucapan YAB Perdana Menteri dalam perutusan khas Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021, CBP mengambil inisiatif untuk meringankan beban individu dan perniagaan yang menghadapi kekangan kewangan sementara atas implikasi dan krisis yang dihadapi akibat wabak COVID-19.</p> <p>CBP berharap program ini dapat meningkatkan keupayaan kewangan individu untuk menghadapi tempoh yang mencabar ini. Moratorium hanya bagi tempoh enam (6) bulan dan pembayaran balik pembiayaan akan disambung semula selepas tamat tempoh moratorium.</p>
2	Adakah setiap pelanggan CBP layak mendapat Moratorium Lanjutan B40, M40 & T20 CBP secara automatik?	<p>Semua pelanggan individu adalah layak bagi menikmati pelaksanaan moratorium. Walau bagaimanapun, pelanggan <u>perlu memohon secara atas talian</u> bagi mendapatkan moratorium seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan.</p> <p>Bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana(PKS)/Koperasi yang terjejas, permohonan moratorium boleh diemel ke creditadmin@cbp.com.my. Setiap permohonan moratorium daripada PKS/Koperasi akan dipertimbangkan oleh CBP.</p>
3	Adakah semua jenis pembiayaan yang ditawarkan CBP layak mendapat Moratorium Lanjutan B40, M40 & T20 CBP?	<p>Bagi pelanggan individu, moratorium lanjutan ini melibatkan semua jenis pembiayaan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembiayaan Persendirian; 2. Pembiayaan Perumahan; dan 3. Pembiayaan Ar-Rahnu.

4	Apakah syarat/kelayakan pelanggan untuk memohon Moratorium B40, M40 & T20 CBP?	<p>Syarat / kelayakan untuk dimasukkan dalam program Moratorium B40, M40 & T20 CBP adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembiayaan yang diluluskan sebelum 1 Julai 2021; dan 2. Tidak tertunggak lebih daripada 90 hari pada tarikh permohonan moratorium diserahkan kepada CBP. <p>Permohonan moratorium akan terbatal sekiranya pelanggan mempunyai tunggakan melebihi 90 hari selepas tarikh permohonan diterima oleh CBP.</p>
5	Berapa lamakah tempoh moratorium yang diberikan oleh CBP?	<p>Tempoh moratorium adalah enam (6) bulan bermula bayaran ansuran untuk <u>bulan Julai 2021</u>.</p> <p>Pemulangan bayaran ansuran bagi bulan Julai dan Ogos akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan CBP pelanggan.</p> <p>Bagi pelanggan yang sedang menerima moratorium tiga (3) bulan/pengurangan pembayaran 50% di bawah program Moratorium Lanjutan B40 & M40 CBP, sila rujuk soalan 27.</p>
6	Apakah dokumen yang perlu disediakan untuk memohon?	<p>Tiada dokumen sokongan diperlukan. Pelanggan yang layak hanya perlu memohon secara atas talian bagi moratorium ini.</p>
7	Bilakah permohonan Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan B40, M40 & T20 CBP ini dibuka?	<p>Pelanggan boleh mula memohon Moratorium B40, M40 & T20 CBP ini bermula pada 7 Julai 2021 secara atas talian di https://bit.ly/CBPMora2021</p> <p>Tarikh tutup permohonan adalah pada/sebelum 19 Julai 2021 jam 5.30 petang.</p>
8	Saya mempunyai potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) bagi pembayaran ansuran bulanan ke CBP. Perlukah saya berurusan dengan pihak BPA berkenaan moratorium ini?	<p>Tidak perlu. CBP akan berurusan terus dengan pihak BPA bagi pelaksanaan moratorium ini.</p>
9	Saya mempunyai potongan gaji melalui Panel Majikan (PGM) bagi pembayaran ansuran bulanan ke CBP. Perlukah saya berurusan dengan pihak Majikan berkenaan moratorium ini?	<p>Tidak perlu. CBP akan berurusan terus dengan pihak Panel Majikan bagi pelaksanaan moratorium ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, pelanggan bertanggungjawab memastikan potongan gaji diaktifkan semula selepas tamat tempoh moratorium.</p>
10	Bolehkah saya memohon tempoh moratorium melebihi tempoh yang diberikan oleh CBP?	<p>Tidak.</p>

11	Saya merupakan pekerja swasta dan pembayaran pembiayaan adalah melalui 'post-dated cheque'. Adakah saya perlu membatalkan semua 'cheque' yang telah dikeluarkan?	Tidak perlu. 'Cheque' tersebut akan digunakan semula bagi tujuan pembayaran ansuran selepas tamat tempoh moratorium. Bagi 'cheque' yang telah luput tempoh, ia akan dipulangkan kepada pelanggan.
12	Saya baru sahaja membuat pembayaran ansuran bulanan yang pertama pada bulan Jun 2021, adakah saya layak mendapat moratorium dari CBP?	Anda perlu memohon secara atas talian bagi mendapat moratorium ini.
13	Pembiayaan saya mempunyai tunggakan melebihi 90 hari, adakah saya layak bagi Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan B40, M40 & T20 ini?	Tidak layak sekiranya pembiayaan mempunyai tunggakan melebihi 90 hari pada tarikh permohonan dilakukan kepada CBP. Walau bagaimanapun, anda boleh merujuk kepada CBP dengan menghubungi 03-41442750 & 03-41442450 atau menghubungi cawangan terdekat bagi memohon ke program Penjadualan atau Penstrukturan Semula. Permohonan adalah berdasarkan kepada kelayakan dan ia tertakluk di atas budi bicara CBP sepenuhnya.
14	Bagaimanakah proses pembayaran setelah tamat tempoh moratorium?	Sekiranya pembayaran melalui Biro Potongan ANGKASA (BPA) atau Potongan Gaji Majikan (PGM), pembayaran akan diaktifkan semula selepas tempoh moratorium tamat. Manakala bagi pembayaran selain BPA/PGM, CBP akan menghubungi pelanggan. Walau bagaimanapun, setiap pelanggan hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan pembayaran dibuat selepas tamat moratorium.
15	Adakah caj pembayaran lewat semasa moratorium tidak perlu dibayar dan dimansuhkan?	Tiada caj pembayaran lewat (Ta'widh atau Gharamah) dikenakan bagi tempoh moratorium ini.
16	Saya mempunyai pembiayaan melebihi daripada 1 akaun dengan CBP, adakah saya layak menerima moratorium ini untuk kesemua akaun pembiayaan berkenaan?	Ya. Semua akaun pembiayaan pelanggan layak mendapat moratorium automatik tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh CBP.
17	Adakah saya perlu menandatangani perjanjian pembiayaan baharu berikutan pelaksanaan moratorium ini?	Tidak.
18	Sekiranya saya tidak memenuhi syarat bagi moratorium oleh CBP, adakah cara lain yang boleh ditawarkan oleh CBP kepada saya selaku pelanggan?	Penjadualan atau Penstrukturan Semula Pembiayaan berdasarkan kepada kelayakan dan ia tertakluk di atas budi bicara CBP sepenuhnya.
19	Bolehkah pembiayaan di bawah program AKPK layak untuk pakej moratorium?	Layak, untuk akaun bertunggakan 90 hari ke bawah.

20	Sekiranya saya masih mengalami masalah pembayaran selepas tempoh moratorium tamat, adakah CBP menyediakan pilihan pembayaran yang lain untuk saya?	Ya, pelanggan hendaklah merujuk kepada CBP dengan menghubungi 03-41442750 & 03-41442450. Walau bagaimanapun, segala keputusan adalah tertakluk kepada kelulusan CBP.
21	Apakah pembiayaan ini diklasifikasikan sebagai penjadualan semula (reschedule) atau penstrukturan semula (restructured)?	Tidak. Akaun ini tidak akan diklasifikasikan sebagai penjadualan semula atau penstrukturan semula dan rekod adalah kekal seperti sedia ada.
22	Bolehkah pembiayaan di bawah program penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R) layak untuk pakej penangguhan?	Pembiayaan di bawah program penjadualan dan penstrukturan semula juga layak mendapatkan penangguhan tertakluk pada kriteria yang ditetapkan.
23	Bilakah pembayaran akan dimulakan selepas tamat tempoh moratorium?	Pembayaran semula akan dimulakan sebaik sahaja selepas tempoh moratorium enam (6) bulan tamat.
24	Adakah saya masih boleh untuk memohon pembiayaan baharu daripada CBP semasa tempoh moratorium?	Ya, pelanggan masih boleh memohon untuk pembiayaan lain dengan CBP. Permohonan pelanggan adalah tertakluk kepada kelulusan pihak CBP.
25	Adakah laporan CCRIS diambil kira sebagai tiada bayaran dalam tempoh moratorium?	Penangguhan bayaran dalam tempoh moratorium ini tidak akan direkodkan sebagai tidak berbayar di bawah mana-mana agensi 'credit ratings' yang diluluskan.
26	Di manakah boleh saya semak jumlah baki pembiayaan?	Sila layari e-semakan CBP di laman http://bit.ly/semakCBP
27	Saya sedang menerima moratorium tiga (3) bulan/pengurangan pembayaran 50% di bawah program Moratorium Lanjutan B40 & M40 CBP, adakah moratorium sedia ada terbatal?	Tempoh moratorium/pengurangan pembayaran 50% sedia ada akan dibatalkan dan akan diselaraskan kepada moratorium penuh enam (6) bulan bermula pada pembayaran ansuran bulan Julai 2021.
28	Bagi akaun pembiayaan dibawah perlindungan Takaful, adakah tempoh tersebut akan diselaraskan mengikut tempoh lanjutan?	Tidak, perlindungan Takaful tidak akan dilanjutkan bagi tempoh lanjutan pembiayaan.
29	Apakah impak kepada baki pembiayaan pelanggan di bawah program ini?	<p>Bagi pembiayaan berkadar tetap, tiada keuntungan tambahan dikenakan ke atas baki pembiayaan. Walau bagaimanapun, tempoh pembayaran ansuran akan dilanjutkan mengikut tempoh moratorium yang telah diberikan.</p> <p>Bagi pembiayaan berkadar terapung* sila rujuk contoh pengiraan baki pembiayaan bagi pembiayaan berkadar terapung seperti di Lampiran 1.</p> <p>Nota(*): Tertakluk kepada perubahan Kadar Asas CBP pada masa hadapan.</p>

30	Bagaimana saya boleh menyemak status permohonan moratorium?	Sila layari laman semakan moratorium di https://moratorium.cbp.com.my/
----	---	---

Co-opbank Pertama
15 Julai 2021

Nota:

FAQ ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa

LAMPIRAN 1

Contoh Pengiraan Pembiayaan Sebelum & Selepas Tempoh Moratorium

Kesan moratorium ke atas kos pembiayaan:

1. Contoh yang diberikan hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Jangka masa lanjutan tempoh bayaran balik adalah berbeza bergantung kepada tempoh moratorium yang diberikan.
2. Berikut merupakan contoh di mana jumlah tempoh pembiayaan/bayaran balik dilanjutkan tetapi ansuran asal dikekalkan setelah menerima Moratorium. Sekiranya pelanggan ingin mengurangkan tempoh pembiayaan, anda boleh menghubungi CBP untuk perbincangan lanjut seperti Penjadualan Semula & Penyusunan Semula (R&R).

Contoh 1: Pembiayaan Persendirian (Pembiayaan Kadar Tetap)

Jumlah Pembiayaan : RM100,000

Caj Kadar Keuntungan : 3.45% p.a

Tempoh Pembiayaan : 10 tahun (120 bulan)

Butiran	Pembayaran Semasa (Sebelum Moratorium)	Pembayaran Selepas Moratorium 6 Bulan
Ansuran Bulanan 6 bulan pertama	RM 1,121	RM0
Bulan ke-7 dan seterusnya	RM 1,121	RM 1,121
Ansuran Bulanan Terakhir	RM 1,101	RM 1,101
Jumlah Keuntungan Biasa	RM 34,500	RM 34,500
Jumlah Pembiayaan	RM 134,500	RM 134,500
Lanjutan Tarikh Matang	Tiada	120 + 6 bulan
Untung Terakru	Ya	Ya
Penerimaan Pembayaran	Ya	Ya
Notis Lewat Bayar	Ya	Tidak
Pampasan Lewat Bayar (Ta'widh)	Ya, (Sekiranya terdapat tunggakan/bayaran tertunggak)	Tidak (Caj dihentikan)
Peningkatan Bulan Tunggakan	Ya, (Sekiranya terdapat tunggakan/bayaran tertunggak)	Tidak
Pilihan Moratorium	Tiada	Ya

Contoh 2 : Pembiayaan Perumahan (Pembiayaan Kadar Terapung)

Jumlah Pembiayaan : RM 222,183

Caj Kadar Keuntungan : 3.75%* (BR + 0.25%)

Tempoh Pembiayaan : 32 tahun (384 bulan)

Kadar asas semasa : 3.50% p.a

Kadar Siling : 7.50% p.a

*Sekiranya tiada perubahan Kadar Asas CBP sepanjang tempoh pembiayaan.

Butiran	Pembayaran Semasa (Sebelum Moratorium)	Pembayaran Selepas Moratorium 6 Bulan
Ansuran Bulanan 6 bulan pertama	RM 995	RM0
Bulan ke-7 dan seterusnya	RM 995	RM 995
Ansuran Bulanan Terakhir	RM 759.28	RM 759.28
Jumlah Keuntungan Biasa	RM 159,661.28	RM 159,661.28
Jumlah Keuntungan Siling	RM364,695.78	RM364,695.78
Jumlah Pembiayaan	RM 586,878.78	RM 586,878.78
Lanjutan Tarikh Matang	Tiada	384 + 6 bulan
Untung Terakru	Ya	Ya
Penerimaan Pembayaran	Ya	Ya
Notis Lewat Bayar	Ya	Tidak
Pampasan Lewat Bayar (Ta'widh)	Ya, (Sekiranya terdapat tunggakan/bayaran tertunggak)	Tiada (Caj dihentikan)
Peningkatan Bulan Tunggakan	Ya, (Sekiranya terdapat tunggakan/bayaran tertunggak)	Tidak
Pilihan Moratorium	Tiada	Ya

FAQ ini tertakluk kepada semakan terkini dari CBP.

Nota:

Kadar Asas merujuk kepada mana-mana kadar keuntungan bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh CBP kepada pelanggan dengan mengambil kira kadar keuntungan minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).